



## **AWANG ABDUL MUIZZ BIN AWANG MARUSIN**

**Awang Abdul Muizz bin Awang Marusin** merupakan Pensyarah di Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia Kampus Kota Kinabalu sejak bulan Disember 2021, Pegawai Pengurusan di tempat yang sama sejak bulan Ogos 2023 dan Pengerusi, Koperasi Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu Berhad sejak bulan Disember 2024. Beliau meraih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua) (dengan Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada bulan Februari 2018, Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Islam) daripada Universiti Malaysia Sabah pada bulan Oktober 2022 dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (Perkhidmatan Sokongan Penerbitan) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran pada bulan November 2025.

Alumni Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, kohort 2011 ini pernah menjadi guru pelatih dan guru ganti di tiga buah sekolah di Sabah dan Selangor, pembantu penyelidik kepada sepasukan penyelidik kewangan Islam dan bahasa Arab semasa pengajian sarjana mudanya, dan pembantu perkhidmatan di satu-satunya hotel lima bintang di Tuaran. Beliau menyertai Perkhidmatan Pendidikan Persekutuan sebagai Guru Akademik di Sekolah Menengah Kebangsaan Tansau, Putatan pada bulan Oktober 2018 dan berkhidmat di sekolah itu sehingga bulan Disember 2021.

Di luar kerjaya perguruan, beliau dikenali sebagai penggiat, penggerak dan pemimpin bahasa dan sastera kebangsaan Malaysia di Sabah. Ketua Satu, Ikatan Penulis Sabah (IPS) sejak 6 Februari 2022 ini merupakan penulis kepada tujuh buah buku, iaitu kumpulan puisi “Catatan buat Teman Setia” terbitan sendiri, tahun 2022; kumpulan puisi remaja “Gedung Kesaksian” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2023; dan lima buah buku terbitan IPS sejak tahun 2023, dengan yang terbaharu ialah Komuniti Peluang: Gabungan, Bukan Persaingan, terbitan tahun 2025. Beliau juga merupakan penulis dan pembentang kepada sebuah artikel jurnal berstatus Scopus serta 11 naskhah kertas kerja persidangan akademik peringkat tempatan dan antarabangsa dengan indeks-h 2 menurut data terkini Google Scholar.

Ahli Jawatankuasa, Angkatan Belia Islam Malaysia, Sabah sejak bulan Ogos 2024, Juruaudit Dalaman, Liga Kesusasteraan Islam Antarabangsa Malaysia sejak bulan Disember 2022 dan Ahli Seumur Hidup, Persatuan Penulis Nasional Malaysia sejak bulan September 2024 ini juga sudah sering terlibat dalam kegiatan bahasa, sastera, seni dan budaya pelbagai peringkat yang dianjurkan di dalam dan luar Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman menjadi Imam, Khatib dan penyampai Tazkirah undangan di beberapa buah masjid dan surau di Sabah sejak tahun 2012. Pemegang Tauliah Mengajar Agama, Majlis Ugama Islam Sabah sejak bulan Jun 2019 ini juga pernah menjadi perantara, pembicara dan pembentang dalam forum dan ceramah yang diadakan di sekitar Sabah sejak tahun itu juga.

Kecemerlangan yang beliau tunjukkan di dalam dan luar perkhidmatan awam membolehkan beliau meraih beberapa pengiktirafan. Di samping Pingat Penulis Sabah (Panglima) yang dianugerahkan oleh IPS pada edisi Disember 2023, Munsyi Muda Bahasa Perkhidmatan Awam, Tahun Pentauliah 2023 ini telah meraih Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 daripada Kementerian Sumber Manusia dan Hadiah Sastera Sabah 2022/2023 bagi kategori esei kritikan sastera daripada DBP.

Dilahirkan di Kota Kinabalu pada 13 Jun 1994, beliau merupakan anak kedua dalam tiga beradik. Beliau gemar membaca isu semasa serta menulis puisi dan cerita.